

06/07/2002

Pilihan raya kecil jadi perbincangan

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

PILIHAN raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit pada 18 Julai ini, menjadi tumpuan semua akhbar berbahasa Cina.

Penganalisis semasa Sin Chew Jit Poh, Rabu lalu, berpendapat isu hangat yang bakal dibangkitkan pada pilihan raya itu ialah pembahagian semula sempadan pilihan raya di seluruh negara.

Akhbar itu berpendapat, sistem dua pertiga untuk mendapatkan hak pentadbiran di Kedah yang disifatkan sebagai `jongkang-jongket', kini menjadi penentu bagi semua parti politik terbabit untuk mencapai kemenangan.

Bagaimanapun, daripada situasi semasa kedua-dua pihak, iaitu Barisan Nasional (BN) dan parti pembangkang, peluang BN menang adalah lebih cerah.

Apa yang penting ialah BN harus berusaha keras memenangi pilihan raya kecil DUN Anak Bukit untuk mengukuhkan kedudukannya melalui hak dua pertiga dan pembahagian semula sempadan pilihan raya di Kedah kelak.

Semalam, China Press menyifatkan kedua-dua pilihan raya kecil itu bakal menjadi medan pertarungan bagi pemimpin generasi baru kedua-dua parti terbabit iaitu BN dan Pas.

Jentera pilihan raya BN akan diketuai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, manakala Datuk Seri Abdul Hadi Awang akan memimpin Pas.

Penganalisis Nanyang Siang Pau, Jumaat lalu, pula berpendapat Pas mungkin menggunakan kematian bekas Presidennya, Allahyarham Datuk Fadzil Noor, bagi mendapatkan simpati pengundi.

Pada masa sama, penulis mengingatkan BN supaya mula merancang strategi dan ahli Umno harus bersatu menyokong calon BN yang bakal bertanding di kedua-dua kerusi itu.

Daripada 10 calon yang dipertimbangkan mewakili Pas, anak kedua Allahyarham Fadzil, Dr Amar, adalah calon paling hangat diramalkan bertanding di DUN Anak Bukit.

Buat masa ini, ada empat orang yang dikenal pasti akan menjadi calon Pas di DUN Anak Bukit, manakala enam lagi calon untuk Parlimen Pendang.

Dalam perkembangan lain, spekulasi mengenai bakal Timbalan Perdana Menteri turut mendapat perhatian apabila tumpuan mula diberikan terhadap Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak.

Semalam, Sin Chew Jit Poh memperuntukkan satu muka surat untuk menceritakan latar belakang Najib.

China Press, Jumaat lalu, turut meramalkan Najib akan menjadi pengganti Abdullah selaku Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno bagi menghapuskan kemungkinan berlakunya perebutan kuasa.

Sehubungan itu, dalam tempoh 16 bulan ini, Najib harus berusaha meningkatkan imej untuk memperoleh merit daripada Pak Lah melalui prestasinya dalam Kabinet dan Umno.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, dipetik Sin Chew Jit Poh, Sabtu lalu, sebagai turut menyatakan hasratnya untuk bersara daripada jawatan itu pada bila-bila masa atau paling lewat selepas pilihan raya umum akan datang.

Katanya, beliau sudah memegang jawatan itu sejak tiga penggal lalu dan sudah sampai masanya untuk Pas mencari pemimpin lain menggantikannya.

Beliau berkata, hasratnya ialah menumpukan sepenuh perhatian sebagai Mursyidul Am Pas.

Sementara itu, jaminan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

untuk kekal memimpin negara sebelum berundur pada Oktober tahun depan disambut lega dan mendapat liputan meluas Malaysia Nanban (Nanban) dan Tamil Nesan (Nesan) minggu ini.

Nesan, dalam editorialnya, mengalu-alukan tindakan Perdana Menteri kerana ia secara tidak langsung menjanjikan proses peralihan kuasa yang licin tanpa membawa sebarang kejutan besar kepada negara, baik dari segi ekonomi atau keamanan secara umum.

Akhbar itu juga melaporkan bahawa majoriti masyarakat India tidak mempunyai masalah menerima Abdullah selaku pemimpin nombor satu negara apabila Dr Mahathir bersara nanti.

Bagaimanapun, Nesan juga menekankan bahawa kepemimpinan Umno perlu ditentukan supaya calon pilihan bagi kerusi Timbalan Perdana Menteri cukup berwibawa seperti Dr Mahathir dan Abdullah bagi memastikan kesinambungan keharmonian dan perpaduan kaum terus terpelihara.

Sementara itu, Nanban pula menyifatkan kenyataan Perdana Menteri untuk bersara sebagai pembuka mata kepada pemimpin parti pembangkang tertentu yang masih gilakan kuasa dan belum menunjukkan tanda-tanda hendak memberi laluan kepada barisan pemimpin muda.

Akhbar itu melaporkan, sebelum ini Dr Mahathir sering dilabel sebagai tamakkan kuasa kerana masih kekal sebagai Perdana Menteri, tetapi pengkritiknya sendiri tidak langsung menghargai apa yang beliau sudah lakukan untuk membangunkan negara sehingga mencapai kemajuan yang dinikmati sekarang.

Antara lain editorial Nanban menjadikan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang, sebagai contoh dengan mempersoalkan apa yang sudah beliau lakukan untuk DAP dan negara setakat ini sehingga boleh dibanggakan sebagai pengorbanan yang memanfaatkan rakyat.

Secara tidak langsung, lapor akhbar itu, kebanyakan penyokong DAP berbangsa India menganggap parti itu sebagai pengkhianat kerana bersekongkol dengan Pas walaupun parti itu begitu bersungguh-sungguh untuk memperkenalkan hukum hudud.

Kehilangan sokongan rakyat juga begitu menyerlah apabila DAP kehilangan begitu banyak kerusi Parlimen dan DUN sehingga pemimpinnya kehilangan hak menjadi ketua pembangkang di Dewan Rakyat.

Justeru, lapor Nanban, Kit Siang juga harus mempertimbangkan kemungkinan berundur dari arena politik tempatan kerana dalam tempoh kepemimpinannya, parti pembangkang yang terkenal dengan kelantangan mempertahankan hak rakyat satu masa dulu kini bagaikan harimau kehilangan taring.

Dalam perkembangan lain, Nesan melaporkan kenyataan Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh, bahawa pelaksanaan hukum hudud terhadap rakyat bukan Islam di Terengganu adalah salah di sisi undang-undang kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, tindakan Kerajaan Terengganu juga akan mewujudkan keperluan mengadakan dua mahkamah berbeza bagi masyarakat Islam dan bukan Islam kerana Perlembagaan menjamin kaum lain di negara ini bebas meneruskan amalan agama masing-masing tanpa ada sebarang paksaan.

Tindakan itu, kata Karpal, hanya mewujudkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat Terengganu kerana proses pengadilannya tidak saksama untuk semua, sebaliknya lebih berunsur pilih kasih dan sudah tentu menimbulkan masalah dalam proses perundangan.